



**WARTAWAN** dari RTM Labuan, Mohd Izuandi menerima cenderahati daripada Raynie.

## Pesowna tubuh koperasi bantu golongan wanita

**LABUAN:** Pertubuhan Pembangunan dan Sosial Wanita Labuan (Pesowna) menubuhkan sebuah Koperasi Pesowna Berhad sebagai usaha membantu pembangunan wanita dalam aspek ekonomi.

Pengerusinya, Raynie Datuk Mohd Din berkata, penubuhan koperasi tersebut bukan sahaja untuk membantu golongan wanita terus maju ke hadapan tetapi juga sebagai usaha memartabatkan dan meningkatkan imej wanita di pulau ini.

Katanya, walaupun Pesowna baru berusia setahun penubuhannya, namun komitmen yang tinggi dikalangan ahli-ahlinya telah menyaksikan pelbagai aktiviti telah berjaya dicapai.

"Hasil daripada kejayaan inilah Pesowna yang mempunyai keahlian seramai 50 orang telah bergerak selangkah lagi dengan menubuhkan Koperasi Pesowna Berhad yang telahpun diluluskan pendaftarannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada Majlis

tama Pesowna yang diadakan di hotel Tiara, dekat sini, pada Jumaat.

Raynie berkata, meskipun tanggungjawab yang digalas semakin berat dan mencabar, namun beliau bersama rakan-rakannya akan terus memastikan pertubuhan itu dapat membantu golongan wanita untuk lebih maju seiring dengan arus pembangunan negara.

Sementara itu katanya, pelbagai aktiviti akan dirancang sepanjang tahun 2020 termasuk membuka ruang untuk menambah keahlian serta berusaha melahirkan wanita Labuan berkemahiran tinggi untuk mengisi jawatan penting dalam agensi kerajaan mahupun di sektor swasta.

"PESOWNA juga akan melaksanakan Program 'Car Seat For The Littles Project' dengan membeli kerusi keselamatan kanak-kanak yang tidak digunakan melalui sumbangan daripada individu untuk didermakan kepada golongan B40 atau keluarga yang kurang berkemampuan,"



WARTAWAN dari RTM Labuan, Mohd Izuandi menerima cenderahati daripada Raynie.

## Pesowna tubuh koperasi bantu golongan wanita

LABUAN: Pertubuan Pembangunan dan Sosial Wanita Labuan (Pesowna) menubuhkan sebuah Koperasi Pesowna Berhad sebagai usaha membantu pembangunan wanita dalam aspek ekonomi.

Pengerusinya, Raynie Datuk Mohd Din berkata, penubuhan koperasi tersebut bukan sahaja untuk membantu golongan wanita terus maju ke hadapan tetapi juga sebagai usaha memartabatkan dan meningkatkan imej wanita di pulau ini.

Katanya, walaupun Pesowna baru berusia setahun penubuhannya, namun komitmen yang tinggi dikalangan ahli-ahlinya telah menyaksikan pelbagai aktiviti telah berjaya dicapai.

"Hasil daripada kejayaan inilah Pesowna yang mempunyai keahlian seramai 50 orang telah bergerak selangkah lagi dengan menubuhkan Koperasi Pesowna Berhad yang telah pun diluluskan pendaftarannya" katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada Majlis Apresiasi dan Makan Malam Sempena Ulang Tahun Per-

tama Pesowna yang diadakan di hotel Tiara, dekat sini, pada Jumaat.

Raynie berkata, meskipun tanggungjawab yang digalas semakin berat dan mencabar, namun beliau bersama rakan-rakannya akan terus memastikan pertubuhan itu dapat membantu golongan wanita untuk lebih maju seiring dengan arus pembangunan negara.

Sementara itu katanya, pelbagai aktiviti akan dirancang sepanjang tahun 2020 termasuk membuka ruang untuk menambah keahlian serta berusaha melahirkan wanita Labuan berkemahiran tinggi untuk mengisi jawatan penting dalam agensi kerajaan mahupun di sektor swasta.

"PESOWNA juga akan melaksanakan Program 'Car Seat For The Littles Project' dengan membeli kerusi keselamatan kanak-kanak yang tidak digunakan melalui sumbangan daripada individu untuk didermakan kepada golongan B40 atau keluarga yang kurang berkemampuan," katanya. **OLEH JAINUDIN DJIMIN**